

Headline **Kualiti CCTV pantau jenayah**
Date **19. May 2009** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **11**
Section **Dlm Negeri** Article Size **541** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**
AdValue **10705.34**



Kualiti CCTV pantau jenayah

Memanglah sebaik-baiknya perlu ada CCTV untuk mengawasi premis perniagaan, pejabat ataupun kediaman masing-masing, tetapi biarlah "alah membeli tetapi menang memakai"



AMIDON ANAN
NORAZLITA MOHD. SIES

KESEDARAN mengawasi keselamatan premis dan gedung perniagaan dengan rangkaian sistem kamera litar tertutup (CCTV) sejajar dengan keperluan semasa dilihat semakin meningkat.

Dengan adanya CCTV, setidak-tidaknya orang ramai bertambah yakin bahawa premis itu dikawal ketat dari segenap sudut. Secara tidak langsung, kewujudan CCTV yang canggih akan menyebabkan persepsi orang ramai juga menjurus ke arah sudut yang positif. Mereka akan yakin bahawa premis tersebut selamat dikunjungi.

Pun begitu, masih ada pemilik premis yang melengkapkan premis mereka dengan CCTV "sekadar melepasi batu di tangga". Apabila adanya persepsi sedemikian maka tujuan utama pengawasan berteraskan pemantauan jenayah menerusi CCTV tidak akan mencapai matlamatnya.

Sebenarnya, pemilik premis perlu menyedari bahawa keselamatan premis akan lebih terjamin apabila menggunakan CCTV yang berkualiti dan harganya mencecah ratusan ribu ringgit sebuah. Ini kerana, barang yang berkualiti akan menerbitkan atau menjamin penghasilan imej yang jelas dan bermutu tinggi.

Dengan imej yang berkualiti tinggi, maka tugas pihak polis dan agensi-agensi berkaitan misalnya Mimos Berhad dan Cyber Security Malaysia dalam mengesan dan mengenal pasti rupa fizikal penjenayah akan menjadi lebih mudah dan pantas.

Ia secara tidak langsung dapat meminimumkan kadar rungutan orang ramai bahawa terdapat CCTV yang gagal mengenal pasti suspek apabila dikehendaki. Imej yang tidak mencapai standard piawaian akan menyebabkan polis dan agensi berkaitan gagal melakukan pendakwaan ke atas sesuatu kes.

Bagi merungkai tahap-tahap yang perlu dilalui oleh tenaga pakar dalam menghalusi imej CCTV, pengalaman seorang bekas pegawai polis, Amidon Anan, 58, boleh dikongsi bersama. Amidon sebelum bersara pada September 2008 ialah Ketua Unit Siasatan, Tempat Kejadian Jenayah (CSI), Makmal Forensik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Berbekalkan tujuh bidang kepakaran hasil menimba ilmu pengetahuan ketika menghadiri kursus di Biro Siasatan Persekutuan Amerika Syarikat (FBI), Amidon mengakui CCTV yang digunakan oleh institusi atau syarikat besar di Malaysia adalah canggih.

"Justeru tidak dapat dinafikan kualitinya memang bagus dan sudah tentulah imej yang dirakamkan jelas dan tidak seharusnya diragui. Saya ingin berkongsi pengalaman ke-

tika ditugaskan menganalisis imej-imej yang dirakamkan oleh CCTV dalam kes pembunuhan penganalisis teknologi maklumat, Canny Ong Lay Kian.

"Imej yang dirakam memang begitu memuaskan dan berkualiti. Ini membuatkan saya langsung tidak berhadapan dengan kesukaran untuk menganalisis dan membuat perbandingan imej-imej itu," katanya.

Menurut Amidon, beliau mengambil masa selama tiga hari untuk membuat pemerhatian imej sebelum menganalisis dan membandingkan dengan gambar asal suspek. Tempoh sehari lagi digunakannya untuk memutuskan bahawa imej CCTV dan suspek adalah orang yang sama.

"Saya amati raut muka suspek dari pandangan sisi agak menepati wajah asal suspek. Saya juga meneliti bentuk fizikal suspek yang bertubuh bongkok sabut dan berdahi suluh. Saya amati dari semua sudut pandangan depan, belakang dan tepi untuk membuat perbandingan.

"Setelah analisis dan perbandingan dibuat dengan berhati-hati antara gambar sebenar Ahmad Najib Aris (ketika itu suspek yang ditahan reman)

dengan imej yang dirakam CCTV, barulah saya menjurus kepada satu kesimpulan. Imej yang timbul dalam CCTV dan gambar sebenar suspek adalah orang yang sama. Analisis dan perbandingan dapat saya lakukan dengan mudah dengan syarat kualiti imej yang dirakam CCTV adalah sangat baik," cerita Amidon ketika ditemu bual di 'pejabat baru' beliau di Tadika Noble milik isterinya di Seksyen 8, Shah Alam, baru-baru ini.

Dalam pertemuan tersebut, Amidon turut menceritakan serba sedikit mengenai langkah-langkah yang diambil sebaik sahaja ditugaskan untuk menganalisis dan membuat perbandingan imej daripada CCTV.

"Imej sasaran dalam keadaan bergerak akan dipegunkan untuk dilihat daripada pelbagai posisi. Imej akan digerakkan semula dan begitulah seterusnya. Setiap pergerakan imej akan diperhatikan misalnya daripada segi

bentuk dahi, dagu, kepala, rangka bahu dan lenggok gaya suspek berjalan.

"Setelah keputusan dibuat berdasarkan bentuk fizikal, saya beralih pula kepada kronologi pergerakan suspek. Misalnya imej suspek mula timbul dan penamatnya. Selepas semuanya dikupas berdasarkan pemerhatian, barulah saya buat kesimpulan berdasarkan pandangan adakah suspek dalam gambar bergerak menyamai gambar pegun sebenarnya.

"Begitu juga ketika saya mengamati objek kereta Proton Tiara bernombor pendaftaran

WFN 6871 (milik ibu Canny, Pearly Visvanathan) yang wujud dalam rakaman CCTV sebelum kenderaan itu melanggar palang automatik Kompleks Beli-Belah Bangsar (BSC). Sebaik saya benar-benar pasti kenderaan tersebut adalah Proton Tiara barulah saya mula membuat laporan," kata Amidon.

Tugasnya tidak berakhir di situ sahaja. Ini kerana, ketika ditugaskan menjejak pergerakan suspek menerusi rakaman imej CCTV, Amidon bukan sahaja perlu menganalisis bahkan dikehendaki menyediakan laporan untuk meyakinkan mahkamah.

Kata Amidon, laporan tersebut akan dibentangkan ketika perbicaraan. Sekiranya beliau tidak dapat memuaskan hati mahkamah mengenai kesimpulan yang dibuat ketika menganalisis imej-imej tersebut, maka kekuatan kes akan goyah.

"Tetapi Alhamdulillah setakat ini laporan yang saya sediakan melepasi standard piawaian Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan serta Mahkamah Persekutuan," kata Amidon yang mula menganggotai Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 1976.

Menyentuh mengenai laporan yang disediakan, menurut Amidon, ia dibahagikan kepada beberapa peringkat. Dimulai dengan pemerhatian imej bergerak dengan memberi fokus kepada sasaran. Imej suspek yang muncul pada skrin televisyen akan dibandingkan dengan gambar foto melalui pemerhatian ciri-ciri fizikal suspek.

Demi memastikan laporan lebih ringkas,

jelas dan tepat, Amidon akan mempersembahkan fakta dalam bentuk carta iaitu mengikut kronologi pergerakan imej.

Selepas semuanya disentuh dalam kronologi tersebut, barulah Amidon sampai ke peringkat akhir iaitu bahagian kesimpulan. Misalnya berdasarkan pemerhatian, imej siapakah sebenarnya dipaparkan oleh CCTV.

Justeru itu, Amidon berpesan kepada pemilik premis yang berhasrat memasang CCTV supaya memilih peralatan berkualiti.

“Pastikan beli CCTV yang bermutu tinggi bagi menjamin kualiti imej yang dirakamkan. Memang tiada undang-undang yang mewajibkan perlunya pemasangan CCTV.

“Namun jika ingin membeli, pastikanlah anda mendapatkan yang benar-benar berkualiti. Memanglah sebaik-baiknya perlu ada CCTV untuk mengawasi premis perniagaan, pejabat ataupun kediaman masing-masing, tetapi biarlah alah membeli tetapi menang memakai,” kata beliau.

Menurutnya, CCTV yang dipasang di bank selalunya mahal dan canggih. Jadi tidak hairanlah mengapa jika penjenayah merasakan tindakan menyimbah cat ataupun memecahkan CCTV sebagai langkah yang selamat sebelum melakukan rompakan.

“Namun mereka silap percaturan kerana tindakan itu sebenarnya memudahkan lagi pihak polis menjejaki penjenayah. Ini kerana CCTV yang canggih mempunyai kemampuan merakamkan objek sejauh beberapa meter persegi. Dengan kata lain, belum pun penjenayah mendekati mesin ATM, imej mereka telah pun dirakam dari hujung rambut ke hujung kaki dan disimpan.

“Selain CCTV yang canggih, satu lagi perkara mustahak yang tidak harus dipinggirkan ialah pemantauan sistem operasi CCTV. Mereka mestilah mempunyai tahap kesabaran dan disiplin yang tinggi,” katanya.

Justeru pemasangan CCTV di premis perniagaan kini menjadi suatu keperluan yang mendesak sejajar dengan peningkatan kadar jenayah hari ini. Andai kata CCTV yang dipasang berkualiti maka sudah tentu imej yang dihasilkan tidak diragui kehebatannya.

Jika semua pihak bekerjasama dan menyedari tanggungjawab sosial yang dipikul barangkali kadar jenayah akan terbantut. Setidak-tidaknya kita tidak lagi meragui CCTV yang dipasang sekadar untuk tontonan bagi memberi notis amaran kepada penjenayah, namun tidak dapat dipastikan sama ada ia berfungsi ataupun tidak.

Biarlah apabila terpancang sahaja CCTV, ia mampu membangkitkan perasaan ngeri dalam diri semua pihak, bahawa CCTV yang dipasang mampu menerobos jauh termasuk ke dalam pori-pori kulit!